

10 JUN 1996

Pengumuman - MB (Fokus Berita)

PENGUMUMAN MENGAKHIRI PENANTIAN PENGGANTI OSMAN

Oleh: Fisol Jaafar

ALOR SETAR, 10 Jun (Bernama) -- Maka berakhir sudah satu penantian setelah Pejabat Perdana Menteri hari ini mengumumkan bahawa Datuk Seri Sanusi Junid akan menggantikan Tan Sri Haji Osman Aroff sebagai Menteri Besar Kedah.

Pemilihan Sanusi itu bukannya di luar jangkaan kerana umum boleh dikatakan sudah dapat menduga bahawa bekas Menteri Pertanian itulah bakal pengganti Osman apabila dia dicalonkan dan menenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Kuah pada pilihan raya umum lebih setahun lepas.

Yang menjadi teka teki cuma bila pertukaran itu akan berlaku, walaupun ramai pada awalnya menjangkakan pucuk pimpinan kerajaan negeri akan bertukar tangan sebaik sahaja selesai pilihan raya.

Mengapa ia mengambil masa sebegitu lama dan mengapa pula ia tidak dilaksanakan semasa musim pilihan raya yang dianggap sebagai "ketika yang sesuai" untuk membuat sebarang pertukaran? Hanya Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad yang lebih arif.

Ura-ura Sanusi akan menjadi Menteri Besar yang baru timbul apabila Osman mengumumkan pada 14 April tahun lepas senarai nama calon Barisan Nasional untuk pilihan raya umum 1995, di Seri Mentaloon, kediaman rasmi Menteri Besar, di sini.

Andaian itu diperkukuhkan pula dengan laporan-laporan yang membayangkan Dr Mahathir berhasrat untuk menukar pucuk pemimpin di beberapa buah negeri.

Bagaimanapun, isu itu reda selepas pilihan raya tanpa ada pertukaran sehingga ia dibangkitkan semula pada awal Julai, sehingga Osman terpaksa membuat kenyataan untuk menafikan berita kononnya beliau telah meletakkan jawatan.

Kenyataan itu tidak juga mematikan langsung spekulasi itu dan pada awal Ogos, Osman sekali lagi menyangkal dakwaan yang serupa tetapi kali ini beliau menegaskan bahawa beliau hanya akan meletakkan jawatan apabila diarah oleh Perdana Menteri.

Apabila isu semakin heboh, Dr Mahathir yang kebetulan pulang ke Kedah untuk lawatan rasmi, mengadakan perjumpaan dengan semua ADUN Kedah dari UMNO di Bangunan UMNO di sini pada 11 Ogos, yang difahamkan berkisar mengenai jawatan itu selain perkara berkaitan parti.

Pada 6 Sept, Perdana Menteri sekali lagi mengadakan pertemuan dengan ADUN Kedah dari UMNO di pejabatnya di Kuala Lumpur dan ketika ditemui pemberita kemudiannya, Dr Mahathir sekadar berkata bahawa tiada jaminan pemimpin akan kekal untuk selama-lamanya.

Isu itu sepi seketika sehingga 24 Mac tahun ini apabila 22 ADUN dari UMNO mengeluarkan memorandum menyatakan sokongan padu terhadap kepimpinan Osman dan menolak sebarang usaha untuk menggantikannya sebagai Menteri Besar.

Memorandum itu ditandatangani mereka semasa satu perjumpaan yang diadakan selepas majlis tahlil di Seri Mentaloon pada 21 Mac.

Tindakan kumpulan itu dikatakan tidak disenangi Perdana Menteri apabila beliau dilaporkan berkata dua hari kemudian bahawa ianya bertentangan dengan tradisi UMNO iaitu membuat keputusan selepas mengadakan rundingan.

Berikutan itu, ADUN terbabit dipanggil menemui Perdana Menteri bagi menjelaskan pendirian mereka berkaitan isu itu dan wakil-wakil rakyat itu dilaporkan meminta maaf dan menyerahkan perkara itu kepada kebijaksanaan Dr Mahathir dalam membuat keputusan.

Pada 6 Mei lepas, Dr Mahathir memberitahu pemberita di Bangunan

Parlimen bahawa Osman telah menyerahkan surat perletakan jawatan tetapi beliau (Dr Mahathir) belum membuat keputusan mengenai perkara itu.

Dua minggu lepas kembalinya dari lawatan kerja ke luar negara, Dr Mahathir berkata beliau telah menerima perletakan jawatan Osman.

Osman, setelah mengadakan perjumpaan dengan para ADUN hari ini, mengumumkan perlantikan jawatannya berkuatkuasa Ahad ini (16 Jun).

Pada sebelah petang, Pejabat Perdana Menteri menamatkan segala spekulasi apabila mengeluarkan kenyataan bahawa Sanusi telah dilantik sebagai Menteri Besar Kedah yang baru berikutan perletakan jawatan Osman.

-- Bernama

MFJ